

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN]

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan permohonan untuk membina baru sekolah rendah agama (JAIM) Kg Kesang Tua, Jasin, Melaka yang berjumlah RM2.5 juta yang telah diluluskan sebelum PRU 14.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Baharu Sekolah Rendah Agama (JAIM) Kg. Kesang Tua, Jasin, Melaka telah diluluskan pada 15 Mac 2018 oleh mantan YAB Timbalan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun tiada dinyatakan kos bagi kelulusan tersebut dan Kerajaan perlu meneliti kos yang wajar mengikut keperluan sebenar bagi permohonan tersebut.

Projek ini telah dibatalkan berdasarkan arahan daripada Kementerian Kewangan melalui surat bil. S/K.KEW/PK/JPM/OE/03 JLD.71 SK.2(9) bertarikh 29 Jun 2018 berkaitan Penambahbaikan Tadbir Urus Dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan yang menyatakan bahawa semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dibatalkan pelaksanaannya.

SOALAN NO. 87

Walau bagaimanapun, sekiranya sekolah rendah agama (JAIM) Kg. Kesang Tua, Jasin, Melaka ini merupakan satu projek kritikal dan memanfaatkan rakyat, Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan rayuan kepada agensi yang berkenaan untuk dipertimbangkan semula dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.